

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM
(BERUAS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31.03.2014

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi oleh syarikat-syarikat yang terlibat dalam pembangunan dan/atau perniagaan di Tun Razak Exchange untuk layak menikmati insentif-insentif yang telah diumumkan oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, keputusan untuk membangunkan Tun Razak Exchange (TRX) dengan visi untuk membangunkan Kuala Lumpur

sebagai hub kewangan antarabangsa adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan ia sebuah bandaraya global. TRX telah dikenalpasti dapat memainkan peranan penting dalam mencapai sasaran Program Transformasi Ekonomi (ETP) untuk mengembangkan sektor kewangan sebanyak tiga kali ganda serta meningkatkan sumbangan sektor kewangan kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM121.5 billion menjelang 2020. Projek dianggarkan bernilai RM26 billion dan mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun.

TRX beraspirasi untuk menarik syarikat-syarikat bertaraf antarabangsa merangkumi beberapa sektor seperti perkhidmatan, perbankan dan kewangan sekaligus akan mencetus aktiviti ekonomi baharu, inovasi terbaharu, dan membuka peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia dari setiap strata ekonomi. Oleh itu, TRX dijangka menarik syarikat terunggul di dunia, apabila pembangunan ini siap disempurnakan dalam masa lebih kurang 15 tahun.

Sejajar dengan aspirasi di atas, adalah wajar bagi Malaysia/Kuala Lumpur menawarkan insentif untuk menarik syarikat-syarikat bertaraf

global untuk menubuhkan operasi baharu atau memperkembangkan operasi sedia ada di sini. TRX menawarkan dua kategori insentif iaitu insentif untuk Pemaju hartanah *TRX* dan insentif untuk syarikat berstatus *TRX Marquee*. Insentif untuk Pemaju hartanah *TRX* adalah khas untuk syarikat pemaju yang akan membangunkan plot pembangunan *TRX* dan insentif untuk syarikat berstatus *TRX Marquee* adalah untuk institusi-institusi kewangan yang akan beroperasi di *TRX*.

Bagi insentif untuk Pemaju hartanah *TRX*, antara kriteria utama untuk pemohon layak menikmati insentif tersebut adalah :

- i. syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965
- ii. bermastautin di Malaysia bagi tujuan cukai
- iii. dilantik oleh 1MDB sebagai pemaju
- iv. menjalankan aktiviti pembangunan di *TRX* mengikut pelan induk *TRX*
- v. menjalankan aktiviti pembangunan berdasarkan kriteria ketat yang dikenakan termasuk mematuhi kriteria kemampanan dan *Green Development standards*

Bagi insentif untuk syarikat berstatus *TRX Marquee*, antara kriteria-

kriteria utama untuk pemohon layak menikmati insentif tersebut adalah :

i. Berlesen atau berdaftar di bawah mana-mana Akta berikut: -

a. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

b. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

c. Seksyen 76 atau 76A Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007

ATAU

d. Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta

Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007

ii. Bermastautin di Malaysia bagi tujuan cukai.

iii. Berpindah atau bermula sebahagian atau keseluruhan operasi di TRX dalam tempoh masa yang ditetapkan.